

Mohon RM18 juta pulih Pantai Tok Jembal

● ASWADI ALIAS | BERITA HARIAN

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri memohon peruntukan RM81 juta daripada Kerajaan Pusat bagi melaksanakan segera kerja menambak dan memulihkan Pantai Tok Jembal, di sini, yang mengalami hakisan teruk di kawasan sepanjang 4.5 kilometer.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Said, berkata pihaknya sudah memaklumkan keperluan peruntukan berkenaan kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Wan Abdul Aziz Wan Abdullah yang turut meninjau kemusnahan di pantai itu sempena lawatan kerja ke negeri ini, semalam.

Katanya, kerajaan negeri berharap beliau (Wan Abdul Aziz) dapat memanjangkan perkara itu ke Kabinet kerana sekiranya peruntukan dapat disalurkan, kerajaan negeri yakin masalah hakisan pantai itu dapat diselesaikan.

“Kita mohon Kerajaan Pusat menyalurkan peruntukan itu dengan segera kerana bimbang sekiranya tiada tindakan diambil masalah hakisan ini akan merebak ke kawasan penempatan dan projek perumahan penduduk berhampiran.

“Kita juga sudah menyelesaikan beberapa perkara dari segi kajian dan reka bentuk. Bagaimanapun, kita tidak mempunyai dana mencukupi untuk membuat menambak pantai yang memerlukan peruntukan besar,” katanya selepas mem-



AHMAD SAID dan Dr Wan Abdul Aziz (kiri) di beri penerangan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Mat Hussin Ghani (tiga dari kiri) pada lawatan di tapak projek pengawal hakisan di Pantai Tok Jembal.

bawa Wan Abdul Aziz ke kawasan projek pengawalan hakisan Pantai Tok Jembal, di sini, semalam.

Ahmad berkata, pantai Kampung Tok Jembal terjejas teruk akibat hakisan terutama pada musim tengkujuh setiap tahun.

Katanya, hingga kini pantai itu sudah terhakis sepanjang 100 meter ke daratan hingga merosakkan jalan, pokok serta pondok rehat sejak ombak besar melanda kawasan itu mulai November 2009.

Sebelum ini, kerajaan negeri

sudah mengeluarkan peruntukan kepada JPS Terengganu untuk menambak pantai di kawasan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sepanjang 450 meter itu membabitkan kos RM2.5 juta bermula September tahun lalu.